

Syariah (930)

PRESTASI KESELURUHAN

Pada tahun ini, bilangan calon yang mengambil mata pelajaran ini ialah 1949 orang. Peratusan calon yang lulus penuh ialah 73.97%, iaitu menurun sebanyak 1.99% berbanding dengan tahun 2010.

Pencapaian calon bagi mata pelajaran ini mengikut gred adalah seperti yang berikut:

Gred	A	A–	B+	B	B–	C+	C	C–	D+	D	F
Peratusan	6.67	8.17	10.06	12.73	13.96	11.81	10.57	10.48	6.26	3.95	5.34

RESPONS CALON

KERTAS 930/1 (FIKAH DAN USUL FIKAH)

Komen am

Pada umumnya, peratusan calon yang lulus penuh pada tahun ini menurun sebanyak 0.22% berbanding dengan peratusan calon yang lulus penuh pada tahun lepas. Mutu jawapan calon adalah baik, terutamanya pada bahagian A (Fikah). Kebanyakan calon memilih soalan 1, 2, dan 3 pada bahagian fikah dan soalan 9 dan 10 pada bahagian usul fikah. Terdapat sebahagian besar calon sekolah membuat perancangan yang teliti sebelum menjawab soalan. Hal ini berbeza dengan calon persendirian yang tiada perancangan sebelum menjawab soalan yang dikemukakan. Faktor perancangan jawapan yang rapi dan pemahaman yang baik terhadap kehendak soalan membantu calon untuk memperoleh markah yang baik.

Komen soalan demi soalan

BAHAGIAN A: *Fikah*

Soalan 1

Soalan (a) menghendaki calon menerangkan konsep *mudarabat* dari segi pengertian, hukum, dan dalil, serta menyatakan tiga hikmat *mudarabat*. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Soalan (b) menghendaki calon menjelaskan ciri yang bercanggah dengan rukun dan syarat *mudarabat* serta mencadangkan jalan penyelesaian bagi masalah yang dikemukakan, iaitu: Syarikat DotCom telah menawarkan satu pakej pelaburan dengan ciri yang berikut:

- Pelabur: Sesiapa sahaja tanpa mengira umur asalkan mempunyai modal.
- Modal: Dalam bentuk mata wang Amerika Syarikat (USD) dan boleh diserahkan secara ansuran.
- Keuntungan: 30% setahun secara tetap berdasarkan jumlah modal yang dilabur.

Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik.

Soalan 2

Soalan (a) menghendaki calon menerangkan konsep *wadi'ah* dari segi pengertian, dalil, dan menyatakan **tiga** keadaan hukum menerima *wadi'ah*. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Soalan (b) menghendaki calon menghuraikan perkara yang berikut:

- (i) **Dua** keadaan yang tidak mewajibkan penerima *wadi'ah* menggantikan harta wadi'ah yang rosak.
- (ii) **Dua** keadaan yang mewajibkan penerima *wadi'ah* menggantikan harta *wadi'ah* yang rosak.

Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik.

Soalan 3

Soalan (a) menghendaki calon memberikan maksud tanggungjawab suami isteri dan menghuraikan **lima** tanggungjawab tersebut. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Soalan (b) menghendaki calon membincangkan pernyataan ini: "Peningkatan gejala samseng jalanan dalam kalangan remaja dikaitkan dengan kegagalan ibu bapa dalam menunaikan tanggungjawab mereka." Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Calon dapat menyatakan faktor kegagalan ibu bapa dalam menunaikan tanggungjawab, seperti kurang pendidikan agama, kurang pemantauan terhadap aktiviti anak-anak, kesibukan kerja, pergaduhan keluarga, kurang pergaulan ibu bapa dengan anak-anak dan sebagainya.

Soalan 4

Soalan (a) menghendaki calon menjelaskan konsep *ila'* dari segi pengertian, rukun, dan kafarahnya. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Soalan (b) menghendaki calon menyatakan kedudukan kes berikut dari sudut *ila'*:

- (i) "Dengan nama Tuhan *al-Rahman*, aku bersumpah tidak akan jimak dengan engkau selama 150 hari." Kata seorang suami kepada isterinya.
- (ii) Seorang suami telah melakukan *ila'* dalam keadaan separuh sedar setelah tersilap mengambil ubat.
- (iii) Seorang lelaki bersumpah tidak akan menyetubuhi bakal isterinya selama 6 bulan apabila mereka berkahwin.

Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik.

Soalan 5

Soalan (a) menghendaki calon menjelaskan pengertian *ta'zir* dan menerangkan **lima** kesalahan yang boleh dikenakan hukuman *ta'zir*. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Soalan (b) menghendaki calon membincangkan kadar minimum dan maksimum bilangan sebatan yang boleh dikenakan ke atas pesalah *ta'zir* menurut pandangan ulama. Kebanyakan calon tidak dapat menjawab soalan ini dengan baik. Jawapan yang dikehendaki adalah bagi bilangan minimum sebatan tidak ditentukan tetapi sebahagian ulama menetapkan tiga kali sebatan, manakala bilangan maksimum pula terdapat khilaf dalam kalangan fuqaha. Mazhab Maliki bergantung kepada pihak pemerintah untuk menentukannya dan boleh melebihi 100 sebatan. Menurut Jumhur ulama pula, tidak boleh melebihi sebatan yang dikenakan terhadap jenayah hudud dan bilangan maksimumnya ialah 39 kali sebatan.

Soalan 6

Soalan (a) menghendaki calon mentakrifkan *al-hajb* dan menerangkan jenis *al-hajb* menurut undang-undang pusaka Islam berserta contoh. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Soalan (b) menghendaki calon menyelesaikan kes-kes pembahagian harta pusaka kepada waris-waris sebagaimana yang dinyatakan dalam pecahan (i) dan (ii). Kebanyakan calon dapat menyelesaikan kes tersebut dengan baik.

BAHAGIAN B: *Usul Fikah*

Soalan 7

Soalan (a) menghendaki calon memberikan pengertian *masalih mursalah* dan menjelaskan bahagian *masalih* dari sudut kekuatannya dalam kehidupan manusia. Kebanyakan calon tidak dapat menjelaskan bahagian *masalih* dari sudut kekuatannya dalam kehidupan manusia, seperti *masalih dharuriyyat*, *hajiyyat*, dan *tahsiniyyat* dengan baik. Soalan (b) menghendaki calon menganalisis perkara berikut sama ada tergolong dalam *masalih mursalah* atau *masalih* lain:

- (i) Cukai untuk pembangunan infrastruktur negara
- (ii) Zakat ke atas orang kaya untuk diberikan kepada fakir miskin
- (iii) Denda kepada penonton perlumbaan haram
- (iv) Bayaran lebih yang ditetapkan semasa kontrak hutang sebagai balasan kebajikan kepada pemberi hutang

Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik.

Soalan 8

Soalan (a) menghendaki calon menjelaskan perbezaan antara *al-am* dengan *mutlak* serta menerangkan hukum lafaz *am*. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Antara jawapan yang diberikan ialah *al-am* merupakan suatu lafaz yang meliputi tiap-tiap makna atau kesemua makna, manakala lafaz *mutlak* ialah lafaz yang menunjukkan suatu makna atau beberapa makna yang menyeluruh. Soalan (b) menghendaki calon menyatakan lafaz *am* daripada dalil-dalil berikut dan menjelaskan kaedah *am* yang digunakan:

- (i) وَأَحَلَّ اللَّهُ الْبَيْعَ
- (ii) كُلُّ أَمْرٍ بِيَّ مَا كَسَبَ رَهِيْنٌ
- (iii) الَّذِينَ يَأْكُلُونَ الرِّبَا
- (iv) مَتَى نَصْرُ اللَّهِ
- (v) فَمَنْ كَانَ مِنْكُمْ مَّرِيضًا أَوْ عَلَى سَفَرٍ فَعِدَّةٌ مِنْ أَيَّامٍ أُخَرَ

Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik.

Soalan 9

Soalan (a) menghendaki calon menjelaskan pengertian *taklid*, contoh, dan hukumnya serta membezakan *taklid* dengan *ijtihad*. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Soalan (b) menghendaki calon menjelaskan hukum *taklid* bagi situasi berikut berserta alasannya:

- (i) *Taklid* mujtahid kepada mujtahid yang lain yang berbeza dengan *ijtihad*nya sendiri
- (ii) *Taklid* orang awam kepada mujtahid
- (iii) *Taklid* masyarakat kepada adat resam dan amalan nenek moyang mereka

Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik.

Soalan 10

Soalan (a) menghendaki calon menghuraikan kaedah *al-yakin la yuzal bissyakki* dari segi pengertian, contoh, dan dalil. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Soalan (b) menghendaki calon menggunakan kaedah terbitan dari kaedah *al-yakin la yuzal bissyakki* untuk menyelesaikan masalah yang berikut:

- (i) Dalam satu pelaburan, pemodal mendakwa pelaburan mereka mendapat keuntungan tetapi dinafikan oleh pengusaha.
- (ii) Tindakan yang perlu diambil oleh mahkamah terhadap tertuduh yang gagal dibuktikan oleh pendakwa raya berkaitan kesalahannya.
- (iii) Ketika hendak menunaikan solat, seseorang berasa syak sama ada dia telah mengambil wuduk atau belum.
- (iv) Seorang pemburu telah berjaya menangkap seekor burung besar yang jenisnya belum pernah ditemui. Beliau berasa waswas sama ada burung itu halal atau haram untuk dimakan.

Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik.

Kertas 930/2 (Ayat Ahkam dan Hadis Ahkam)

Komen am

Pada umumnya, peratusan calon yang lulus penuh pada tahun ini menurun sebanyak 0.09% berbanding dengan peratusan calon yang lulus penuh pada tahun lepas. Kelemahan calon adalah dari segi menganalisis isu-isu semasa yang terdapat dalam soalan, tidak mampu menjelaskan sebab nuzul ayat, tidak menguasai dan memahami teks dengan baik, tidak dapat mengemukakan dalil nas apabila dikehendaki, tidak mempunyai perancangan dan perhatian kepada kehendak soalan, memberikan jawapan yang menyimpang daripada yang sepatutnya, dan memberikan fakta yang tidak tepat. Untuk memperoleh markah yang baik, calon sepatutnya membuat perancangan jawapan yang rapi, mampu membuat penghujahan dan analisis yang mendalam terhadap sesuatu isu yang dikemukakan, dan memahami kehendak soalan dengan baik.

Komen soalan demi soalan

BAHAGIAN A: Ayat Ahkam

Soalan 1

Soalan (a), dengan berdasarkan ayat yang diberikan, calon dikehendaki menjelaskan **lima** ciri malaikat. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Antara jawapan yang diberikan ialah bengis, kasar, sentiasa taat, dan tidak pernah ingkar terhadap perintah Allah. Soalan (b) menghendaki calon membincangkan **lima** peranan ketua keluarga dalam menjamin kebahagiaan ahli keluarganya di dunia dan akhirat. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik.

Soalan 2

Soalan (a), dengan berdasarkan ayat yang diberikan, calon dikehendaki menjelaskan **lima** tatacara bersedekah. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Antara jawapan yang diberikan termasuklah ikhlas, memberi harta yang baik, harta sendiri, diberikan secara sembunyi, dan diberi kepada orang yang susah. Soalan (b) menghendaki calon membincangkan **lima** faktor yang mengganggu dan menghalang seseorang daripada melaksanakan sedekah. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik.

Soalan 3

Soalan (a) menghendaki calon menjelaskan sebab nuzul ayat 27 dan 29 berdasarkan ayat yang diberikan. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Soalan (b) menghendaki calon membincangkan pernyataan, iaitu “Adab memasuki rumah orang lain dan rumah kosong yang dituntut oleh Islam mempunyai hikmat tersendiri.” Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Antara jawapan yang diberikan termasuklah menjaga batas pergaulan, mengelak terlihat aurat, memberi tuan rumah keselesaan, menjauhi zina, dan menjaga keharmonian.

Soalan 4

Soalan (a) menghendaki calon menjelaskan kedudukan riba berdasarkan ayat yang diberikan. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Antara jawapan yang diberikan termasuklah riba diharamkan, riba perlu dihentikan, dan hasil riba tidak diberkati. Soalan (b) menghendaki calon menjelaskan cara masyarakat Islam boleh mengelakkan diri daripada terjerumus dalam amalan riba. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik.

Soalan 5

Soalan (a), dengan berdasarkan ayat yang diberikan, calon dikehendaki menjelaskan sebab nuzul ayat 190 dan memberikan maksud *fitnah* dalam ayat 191 dan 193. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Soalan (b) menghendaki calon mempertahankan prinsip Islam yang melarang perbuatan yang melampau walaupun ketika berperang dengan menafikan tuduhan musuh bahawa al-Quran adalah pencetus keganasan. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Antara jawapan yang diberikan termasuklah al-Quran menyeru kepada keamanan, melarang pencerobohan, memulakan peperangan, dan matlamat perang adalah untuk mempertahankan diri.

BAHAGIAN B: *Hadis Ahkam*

Soalan 6

Soalan (a), dengan berdasarkan hadis yang diberikan, calon dikehendaki menyatakan tanggungjawab orang yang berilmu. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Antara jawapan yang diberikan termasuklah beramal dengan ilmunya, menyampaikan ilmu, menjadi pewaris nabi, menjadi penasihat, dan memberikan fatwa. Soalan (b) menghendaki calon menjelaskan cara seseorang patut bersyukur apabila dia dikurniai harta. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik.

Soalan 7

Soalan (a) menghendaki calon menjelaskan pengertian *nifaq* dan menjelaskan **empat** ciri *nifaq* berdasarkan hadis yang diberikan. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Soalan (b) menghendaki calon mempertahankan pernyataan yang diberikan, iaitu “Dalam agama Islam terdapat beberapa keadaan tertentu yang mengharuskan pendustaan.” dan menyatakan **empat** contoh pendustaan yang diharuskan oleh agama Islam. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Antara jawapan yang diberikan termasuklah dusta dalam keadaan terdesak untuk menyelamatkan nyawa, dusta dengan penguasa yang zalim, dusta bagi menjaga hubungan suami isteri, dan dusta untuk mendamaikan sahabat yang bermusuhan.

Soalan 8

Soalan (a) menghendaki calon menjelaskan **lima** pengajaran yang dapat diambil daripada hadis yang diberikan. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Soalan (b) menghendaki calon

menjelaskan **lima** syarat seorang pencuri boleh dikenakan hukuman hudud. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik.

Soalan 9

Soalan (a) menghendaki calon menjelaskan maksud (غَاشٍ لِرَعِيَّتِهِ), dan menyatakan **empat** contoh bagi perlakuan tersebut. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Soalan (b) menghendaki calon memberikan ulasan terhadap implikasi ketidakadilan dalam sesuatu pemerintahan. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Antara jawapan yang diberikan termasuklah rakyat akan teraniaya, berlaku penindasan, wujud pilih kasih, mengundang bala daripada Allah, dan ekonomi mundur.

Soalan 10

Soalan (a) menghendaki calon menjelaskan tatacara orang beriman dalam peperangan. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Antara jawapan yang diberikan termasuklah tidak mengharap pertemuhan dengan musuh, sentiasa sabar dan bertahan, sentiasa berdoa kepada Allah, dan memohon kesihatan. Soalan (b) menghendaki calon menjelaskan fakta yang membuktikan bahawa Islam ialah agama yang mementingkan keamanan, keselamatan, dan kesejahteraan manusia dalam peperangan. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik.